

01 DEC 1997

Mahathir-NEAC

NEAC PENENTU KEBANGKITAN SEMULA EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pencapaian pada tahap yang tertinggi matlamat penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) merupakan penentu sama ada Malaysia mampu bangkit semula daripada kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham tempatan.

Perdana Menteri berkata strategi Malaysia untuk menangkis dan melumpuhkan kesan daripada perbuatan "penyerang-penyerang" mata wang itu sudahpun dirancang selaras dengan keutamaan kerajaan pada masa ini untuk mengembalikan semula kekukuhan ekonomi negara.

"Saya ingin tegaskan bahawa kempen kita untuk meningkatkan daya saing kita di pasaran dunia yang akan menentukan Malaysia tidak lumpuh kerana serangan oleh pedagang-pedagang mata wang, banyak bergantung kepada semua matlamat NEAC dicapai pada tahap yang tertinggi," katanya ketika berucap pada jamuan malam tahunan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) di sebuah hotel terkemuka di sini.

Penubuhan NEAC pada bulan ini diumumkan Dr Mahathir Mohamad selepas satu mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno 20 Nov lepas dan ia diterima oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada hari berikutnya.

Menurut beliau, majlis itu diberi kuasa oleh Kabinet untuk membuat keputusan berhubung ekonomi negara tetapi ia masih perlu mengemukakan laporan kepada Kabinet dari semasa ke semasa.

Dr Mahathir menggariskan lima langkah seperti berikut yang perlu diambil bagi memastikan strategi-strategi yang menekankan peningkatan daya saing negara dalam pasaran antarabangsa itu mencapai kejayaan:

- * pengawalan harga dan perbelanjaan dalam negeri melalui pengurangan import dan pembaziran yang melibatkan mata wang asing;

- * meningkatkan eksport ke tahap yang tertinggi sekali untuk menghapuskan defisit imbalan pembayaran, bahkan untuk mencapai lebih dalam imbalan pembayaran;

- * mempertingkatkan produktiviti dan kualiti supaya menjadikan barangan Malaysia lebih laris dan menambah keuntungan;

- * mempertingkatkan pengetahuan dan tahap kecekapan rakyat; dan

- * menghapuskan segala jenis rasuah yang menghalang kejayaan negara.

Dr Mahathir berkata rakyat dan kerajaan perlu menyusun langkah bagi memastikan Malaysia bukan sahaja "terus wujud" tetapi kukuh dan kuat dalam mengharungi dunia yang kini semakin tersekat kebebasan dengan undang-undang dan dasar berat sebelah dikuatkuasakan.

Katanya beberapa bulan kebelakangan ini Malaysia telah merasakan pahit maung penindasan dan tindakan bengis oleh golongan yang tidak suka negara ini menyuarakan teguran.

"Mereka menentukan nilai mata wang kita diturunkan serta merta. Tiap kali kita perkatakan sesuatu yang mereka tidak ingin dengar, nilai mata wang kita diturunkan dan kita menjadi lebih miskin.

"Sekarang mereka ugut pasaran kita dengan memperingatkan kita kepada siapa kita bergantung untuk pelaburan dan pasaran," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata perkhidmatan awam, terutama PTD, mempunyai peranan yang penting bagi menentukan kejayaan atau kegagalan strategi-strategi yang bakal dilaksanakan oleh NEAC.

Dr Mahathir berkata perkhidmatan awam perlu mencipta, mempersiapkan jentera, mengurus dan melaksanakan segala dasar dan tindakan yang dirancang dan dipersetujui NEAC.

"Berjaya atau tidaknya NEAC dan operasinya bergantung kepada kecekapan

pengurusan anggota-anggota PTD.

"Penubuhan dan susunan NEAC sebagai badan yang dilengkapi dengan bilik operasi dan alatan-alatan termasuk komputer yang boleh memberi maklumat yang terkini dan angka-angka yang diperlukan adalah tanggungjawab dan urusan PTD.

"Pegawai yang akan ditugaskan menyenggara Bilik Operasi NEAC dan urusannya adalah juga tanggungjawab PTD. Demikian juga di peringkat negeri," katanya.

Dr Mahathir juga mengajak seluruh pegawai dan kakitangan kerajaan supaya menjadi contoh dalam pengorbanan rakyat untuk memulihkan ekonomi demi kesejahteraan dan keselamatan bangsa dan negara.

"Kita harus sanggup kerja siang-malam, kerja lebih kuat, kerja secara lebih produktif tanpa rungutan kerana kita kerja bukan hanya untuk upah atau kerana diupah tetapi kerana negara, bangsa dan agama kita.

"Jika kita gagal maka kita tidak lagi akan dapat menguasai dan menentukan nasib kita. Orang lain yang akan menguasai dan menentukannya," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

AH MT RON